



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**  
**KENYATAAN MEDIA**

**SOP KETAT DIWAJIBKAN KE ATAS PERGERAKAN PEDATI (CHARIOT)  
ARCA MURUGAN KE KUIL BATU CAVES BAGI SAMBUTAN THAIPUSAM  
2021**

---

Putrajaya, 26 Januari 2021 – Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai COVID-19 telah memutuskan pada 18 Januari 2021 bahawa upacara Thaipusam bagi tahun 2021 tidak dibenarkan di rumah-rumah ibadat (kuil) pada tahun ini.

2. Sehubungan itu, Kuil Sri Maha Mariamman telah membuat permohonan khas untuk membawa kereta pedati dari kuil Sri Maha Mariamman, Kuala Lumpur ke Kuil Sri Subramaniam, Batu Caves pada 27 Januari 2021 dan kembali ke kuil asal pada 29 Januari 2021 dan MKN telah memutuskan supaya permohonan ini dibenarkan dan perlu mematuhi syarat-syarat ketat seperti berikut:

- i. Pergerakan pedati ini akan **BERMULA jam 3.00 pagi pada 27 Januari 2021 dan pulang ke kuil asal pada jam 3.00 pagi 29 Januari 2021.**
- ii. Penganut **TIDAK DIBENARKAN MENGIKUT DAN MENGIRINGI** pergerakan pedati ini sepanjang perjalanan pergi ke Batu Caves dan perjalanan balik daripada Batu Caves ke kuil asal.
- iii. Pedati ini **TIDAK DIBENARKAN SINGGAH** di mana-mana lokasi di dalam perjalanan pergi ke Batu Caves dan perjalanan balik daripada Batu Caves ke kuil asal.

- iv. Pihak kuil bertanggungjawab menyelaras dengan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk kawalan lalulintas dan menjaga keselamatan mereka secara amnya.
3. Kebenaran khas ini diberikan setelah mengambilkira bahawa ia merupakan upacara penting sebagai tanda permulaan sambutan Thaipusam.
4. Kementerian Perpaduan Negara akan memantau pergerakan pedati ini mengikut kuasa yang terkandung di dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bagi memastikan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Pemantauan juga akan dijalankan bersama pihak DBKL, PDRM dan MKN, JPM.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

26 Januari 2021

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (45)